



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KESAHAN SOALAN PEPERIKSAAN BERDASARKAN  
KEPADA ANALISIS ITEM CARA KUALITATIF**

**AHMAD AFFANDI BIN ABD. GHANI**

**FPP 1998 54**

**KESAHAN SOALAN PEPERIKSAAN BERDASARKAN  
KEPADA ANALISIS ITEM CARA KUALITATIF**

Oleh

**AHMAD AFFANDI BIN ABD. GHANI**

Projek kajian ini dikemukakan untuk memenuhi  
sebahagian daripada syarat-syarat untuk  
mendapatkan ijazah Master Sains  
di Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia,  
Serdang, Selangor.

Mei 1998



## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT. kerana dengan izin dan kurnia-Nya dapat saya menyempurnakan kertas projek ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperoleh ijazah Master Sains (Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama).

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Mohd Zainuddin bin Hashim, penyelia kertas projek ini, di atas segala bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan. Tanpa bantuan dan teguran beliau, mungkin kajian ini tidak terhasil sesempurna ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pengetua, guru-guru serta para pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian ini.



Kepada isteri tersayang, Jamilah Hashim serta kedua-dua puteraku, Ahmad Hishamuddin dan Ahmad Hafizuddin, sekalung penghargaan dihulurkan kerana sanggup bersabar dan bertolak ansur demi merealisasikan cita-cita ini. Seterusnya kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dengan memberikan sokongan moral dan galakan. Semoqa segala kerjasama dan bakti yang dicurahkan akan mendapat keredaan daripada Allah SWT. Sesungguhnya yang baik itu datangnye daripada Allah dan yang buruk itu adalah daripada diri saya sendiri yang serba kekurangan.

WASSALAM

Ahmad Affandi bin Abd Ghani  
195 Jalan 3, Taman Sekamat,  
Bt. 12 1/2 Jalan Cheras,  
43000 Kajang, Selangor D.E.  
1 Mei 1998



## DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN .....	ii
DAFTAR KANDUNGAN .....	iv
SENARAI JADUAL .....	vii
SENARAI RAJAH .....	ix
SENARAI SINGKATAN .....	x
ABSTRAK .....	xi
ABSTRACT .....	xiv
<b>BAB</b>	
<b>I</b>	
<b>PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
Latar Belakang .....	1
Pernyataan Masalah .....	10
Objektif Kajian .....	19
Kepentingan Kajian .....	20
Batasan Kajian .....	21
Definisi Operasional .....	23
<b>II</b>	
<b>TINJAUAN TERHADAP KAJIAN YANG BERKAITAN</b>	<b>40</b>
Pengenalan .....	40
Sorotan Kajian Analisis Item di Barat	41
Sorotan Kajian Analisis Item di Malaysia	45



		Halaman
III	KAEDAH DAN PROSEDUR PENYELIDIKAN .....	47
	Reka Bentuk Kajian .....	47
	Alat Pengumpulan Data .....	48
	Sampel Kajian .....	49
	Prosedur Pengumpulan Data .....	51
	Penganalisan Data .....	52
IV	HASIL PENYELIDIKAN DAN PERBINCANGAN .....	55
	Pengenalan .....	55
	Analisis Item Ujian Pra Bahasa Melayu I ..	55
	Ringkasan Hasil Analisis Item Ujian Pra Bahasa Melayu I .....	68
	Analisis Item Ujian Pasca Bahasa Melayu I	70
	Perbandingan Analisis Item Antara Ujian Pra dan Pasca Bahasa Melayu I .....	80
	Dapatan Hasil Analisis Item Ujian Pra dan Ujian Pasca B. Melayu I .....	87
	Analisis Jawapan Meluas Kertas Ujian Pra dan Pasca Bahasa Melayu I .....	89
V	KESIMPULAN DAN CADANGAN .....	106
	Pengenalan .....	106
	Kesimpulan .....	107
	Cadangan .....	111



Halaman

BIBLIOGRAFI ..... 115

LAMPIRAN A : Kertas Soalan Peperiksaan Bahasa  
Melayu Tingkatan 3 ..... 120



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.	Garis Panduan Tentang Indeks Kesukaran Mengikut Pandangan Lien	26
2.	Garis Panduan Tentang Indeks Kesukaran Mengikut Pandangan Blood dan Budd	29
3.	Nilai $r$ dan Tafsirannya	32
4.	Cadangan Memilih Item	33
5.	Taburan Kelas dan Pelajar Tingkatan 3 SMK. Bandar Baru Seri Petaling, 1998	50
6.	Maklumat Markah Pelajar Bagi Ujian Pra Bahasa Melayu I	56
7.	Taburan Kekerapan Markat Ujian Pra Bahasa Melayu I	58
8.	Analisis Indeks Bagi Ujian Pra B. Melayu I	61
9.	Kategori Indeks Kesukaran Bagi Item Ujian Pra Bahasa Melayu I	63
10.	Analisis Indeks Diskriminasi Bagi Item Ujian Pra Bahasa Melayu I	65
11.	Kategori Indeks Diskriminasi Bagi Item Ujian Pra Bahasa Melayu I	67
12.	Ringkasan Hasil Analisis Item Ujian Pra Bahasa Melayu I	68
13.	Maklumat Markah Pelajar Bagi Ujian Pasca Bahasa Melayu I	71
14.	Taburan Kekerapan Markat Ujian Pasca Bahasa Melayu I	72
15.	Analisis Indeks Kesukaran Bagi Ujian Pasca Bahasa Melayu I	73
16.	Analisis Indeks Diskriminasi Bagi Ujian Pasca Bahasa Melayu I	76





<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
17.	Ringkasan Hasil Analisis Item Ujian Pasca Bahasa Melayu I	78
18.	Perbandingan Markat Pelajar Bagi Ujian Pra dan Pasca Bahasa Melayu I	80
19.	Perbandingan Antara Indeks Kesukaran Ujian Pra dan Pasca Bahasa Melayu I	83
20.	Perbandingan Antara Indeks Diskriminasi Ujian Pra dan Pasca Bahasa Melayu I	85
21.	Aras Kesukaran Ujian Pra dan Pasca Bahasa Melayu I	108
22.	Aras Diskriminasi Ujian Pra dan Pasca Bahasa Melayu I	109
23.	Kategori Item Ujian Pra dan Pasca Bahasa Melayu I	110



## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.	Hubungan Antara Indeks Kesukaran Dengan Indeks Diskriminasi	30



## **SENARAI SINGKATAN**

<b>LPM</b>	<b>:</b>	<b>Lembaga Peperiksaan Malaysia</b>
<b>PMR</b>	<b>:</b>	<b>Penilaian Menengah Rendah</b>
<b>SPM</b>	<b>:</b>	<b>Sijil Pelajaran Malaysia</b>
<b>STPM</b>	<b>:</b>	<b>Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia</b>
<b>SRP</b>	<b>:</b>	<b>Sijil Rendah Pelajaran</b>
<b>KBSM</b>	<b>:</b>	<b>Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah</b>
<b>BM I</b>	<b>:</b>	<b>Bahasa Melayu I</b>

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti  
Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan  
Ijazah Master Sains.

KESAHAN SOALAN PEPERIKSAAN BERDASARKAN  
KEPADA ANALISIS ITEM CARA KUALITATIF

Oleh

AHMAD AFFANDI BIN ABD GHANI

Mei, 1998

Penyelia : Encik Mohd Zainuddin bin Hashim

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini merupakan satu tinjauan terhadap kesahan soalan ujian Bahasa Melayu I yang dijalankan ke atas pelajar Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur. Seramai sembilan puluh orang pelajar terlibat dalam kajian ini.

Ramai orang beranggapan bahawa membina item untuk sesuatu ujian sebagai satu perkara yang mudah atau boleh diambil mudah. Hanya apabila item-item itu ditadbirkan kepada para pelajar barulah timbul pelbagai masalah seperti salah faham, tiada jawapan atau ianya terlalu mudah atau terlalu sukar untuk dijawab. Semua ini akan menyumbang ke arah terjejasnya kesahan sesuatu item ujian itu.

Oleh itu satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah dengan membuat analisis item kualitatif. Untuk tujuan kajian ini, analisis item kualitatif cuba membandingkan ujian pra dan ujian pasca iaitu dari segi indeks diskriminasi, indeks kesukaran dan peranan distraktor.



Kajian ini hanya tertumpu kepada markah yang diperolehi daripada kedua-dua ujian berbentuk pra dan pasca. Kedua-dua ujian tersebut menggunakan item-item yang sama merangkumi soalan-soalan kefahaman dan tatabahasa berjumlah enam puluh soalan berbentuk aneka pilihan. Kaedah-kaedah yang digunakan meliputi penganalisan item yang termasuklah di dalamnya pengiraan untuk mendapatkan indeks kesukaran dan indeks diskriminasi serta analisis jawapan meluas.

Di dalam ujian pra, didapati secara keseluruhan item-item yang digubal adalah sesuai dan menyeluruh di mana tujuh belas item (28%) berada pada tahap kesukaran yang sederhana, lima item (8%) pula sukar, sepuluh (17%) item senang dan dua puluh lapan (47%) item adalah terlalu senang. Dari aspek indeks diskriminasinya pula, didapati item-item yang digubal itu tidak berjaya mendiskriminasi pelajar dalam kumpulan lemah dan cerdas. Sebanyak empat puluh lapan (88%) item berada pada tahap diskriminasi lemah.

Hasil analisis item ke atas ujian pra pula mendapati sebanyak dua puluh (33%) item boleh dikekalkan, dua puluh lima (42%) item perlu dibaiki dan lima belas (25%) item dikeluarkan. Secara keseluruhannya empat puluh lima (75%) item boleh digunakan pada masa akan datang.

Di dalam ujian pasca pula, secara keseluruhannya item-item tersebut adalah sesuai. Terdapat sepuluh (17%) item berada pada tahap kesukaran yang sederhana, satu (2%) item sukar, enam (10%) item adalah ideal, tiga belas (22%) pula senang dan tiga puluh (50%) item berada pada tahap yang terlalu senang. Bagi indeks diskriminasinya pula, didapati item-item tersebut tidak berjaya mendiskriminasikan kedua-dua kumpulan pelajar. Sebanyak enam (10%) item mempunyai indeks diskriminasi positif atau sederhana kerana dapat mendiskriminasi dengan baik pelajar lemah dan cerdas.

Hasil analisis itemnya pula didapati sebanyak dua puluh satu (35%) item dikekalkan, dua puluh lapan (47%) perlu dibaiki dan sebelas (18%) item dikeluarkan. Secara keseluruhannya sebanyak empat puluh sembilan item boleh digunakan atau dimasukkan ke dalam bank item.



Kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa item-item BM I yang dianalisis daripada kedua-dua ujian pra dan pasca berada pada tahap sederhana. Purata nilai indeks kesukaran menampakkan perbezaan yang jelas, di mana dalam ujian pra indeks kesukarannya ialah 0.68 manakala bagi ujian pasca pula ialah 0.77. Dari segi aras diskriminasinya pula didapati dalam kedua-dua ujian tersebut mempunyai aras diskriminasi yang lemah iaitu empat puluh lapan item dalam ujian pra dan lima puluh empat item dalam ujian pasca. Oleh yang demikian ianya tidak berupaya mendiskriminasikan pelajar lemah dengan pelajar cerdas.



Abstract of project presented to the Faculty of  
Educational Studies, Universiti Putra Malaysia in  
partial fulfillment of the requirements for the Degree  
of Master of Science.

VALIDITY OF EXAMINATION QUESTIONS BASED  
ON QUALITATIVE ITEM ANALYSIS

By

AHMAD AFFANDI BIN ABD GHANI

MEI, 1998

Supervisor : Encik Mohd Zainuddin bin Hashim

Faculty : Educational Studies

This research is a study on the validity of Bahasa Melayu I test questions conducted on the Form Three students of Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur. Ninety students are involved in this research.

Many people consider building item for specific test is easy and undemanding. Problems will only arise when the items are administered to the students. Some of the complications are misunderstanding, no possible answer and too easy or too difficult to be answered. All these influence the validity of the items.

Henceforth one way of overcoming the problem is carrying out the qualitative item analysis. The qualitative item analysis attempt to compare the pre test and post test in view of discrimination index, difficulty index and functions of distractors.



This research focuses only on the scores obtained from the tests. Both tests use the same items that are made of sixty multiple choice questions evaluating their comprehension and grammar. The methods used incorporate the analysing of items including calculation for discrimination index, difficulty index and also diversified answer analysis.

In the pre test, it is found that all items are appropriate. Seventeen items (28%) average, five (8%) difficult, ten (14%) easy and twenty eight (47%) too easy. Looking from the discrimination point of view, it is found that the formulated items are unable to distinguish the good students and the weak students as forty eight items (88%) are at low discrimination level.

The result of item analysis on the pre test exposes twenty items (33%) can be maintained, twenty five (42%) need to be improved and fifteen (25%) to be excluded. On the whole forty five items (75%) can be used in the future.

In the post test, items are generally appropriate. Ten items (17%) average, one (2%) difficult, six (10%) ideal, thirteen (22%) easy and thirty (50%) too easy. In term of discrimination index, items failed to distinguish both groups of students. Only six items (10%) have positive discrimination index or at medium level as it can distinguish good and weak students.

The outcome of the item analysis discloses twenty one items (35%) be maintained, twenty eight (47%) to be improved and eleven (18%) to be left out. On the whole, forty nine items can be utilised or kept in the item bank.

In conclusion, items of BM I analysed from both the pre and post tests are at average level. The average value of difficulty index shows a clear distinction where the difficulty index of pre test and post test is 0.68 and 0.77 respectively. From the discrimination level, it is found that both test have low discrimination level, as there are forty eight



weak items in pre test and fifty four weak items in post test. Therefore, it is unable to distinguish the weak students with th good ones.



# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **Latar Belakang**

Apabila proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran berakhir, guru akan cuba mendapatkan maklumat mengenai keberkesanan pengajarannya. Untuk memperolehi maklumat tersebut, seseorang guru itu akan menjalankan ujian dan penilaian untuk menilai tahap pengajaran dan seterusnya menilai kelemahan dan kekurangan anak didik mereka.

Penilaian dalam pendidikan adalah istilah yang luas merangkumi aktiviti-aktiviti untuk mendapatkan maklumat bagi membuat sesuatu keputusan. Maklumat-maklumat tertentu akan diperolehi daripada ujian yang dilaksanakan itu. Daripada maklumat-maklumat itu membolehkan guru merancang tindakan susulan seperti aktiviti pengayaan, pemulihan dan sokongan serta memilih perkaedahan dalam proses pengajarannya atau untuk pembelajaran murid (Lee Shok Mee dan Mok San Sang, 1989).

Bagi Ashworth (1982), terdapat tujuh tujuan mengapa penilaian dan pengujian diadakan. Antaranya ialah untuk dorongan, diagnosis, menilai, memilih, melapor, membanding dan meramal.

Menurut Abdullah Hassan (1987), penilaiaan ialah satu proses yang menggambar, mendapat dan menyediakan panorama yang berfaedah untuk menghakimi keputusan dan seterusnya memberikan nilai baik atau buruknya sesuatu pencapaian. Dengan kata lain, penilaian memperihalkan aspek-aspek kualitatif dan kuantitatif tingkah laku seseorang pelajar, di samping menilai tingkah laku yang diingini.

Memandangkan penilaian itu sendiri merupakan suatu proses, maka ianya sudah tentu mempunyai permulaan dan kesudahannya. Permulaan dimaksudkan sebagai suatu proses di mana hasil ujian itu dinilai untuk mendapatkan keputusan sama ada dalam bentuk angka atau gred aksara yang didasarkan kepada penghakiman secara kuantitatif. Kesudahan penilaian berlaku apabila hasil yang dinilai itu ditafsirkan mengikut keseimbangan dan keperluan tertentu.

Lazimnya setiap penggubal soalan akan sering memikirkan mutu soalan yang akan mereka gubal supaya

mutu penilaian akan kekal terjamin. Oleh itu untuk memastikan sesuatu penilaian atau pengujian itu tergolong dalam pengujian yang baik, maka sudah tentulah setiap bahan atau item penilaian perlu dinilai terlebih dahulu.

Selain itu objektif pengajaran perkara yang hendak diuji itu perlu ditentukan. Hal ini penting kerana objektif sesuatu program pengajaran merupakan punca yang terpenting untuk menubuhkan sesuatu bahan ujian (Azman Wan Chik, 1970). Seterusnya setiap proses penubuhan bahan ujian yang memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan akan merealisasikan suatu bentuk pengujian yang memiliki kualiti tinggi dan dapat menjadi alat penilaian yang tepat.

Di dalam bidang pendidikan, ujian selalunya digunakan sebagai alat untuk mendapatkan maklumat tentang pembelajaran para pelajar. Oleh itu sebagai punca penafsiran maklumat, ujian itu harus berupaya memenuhi beberapa keperluan asas. Menurut Abu Bakar Nordin (1986), keperluan-keperluan asas merangkumi:

- a. ujian itu mestilah mempunyai kesahan yang dapat diterima;
- b. ujian itu boleh dipercayai;

- c. senang dan praktikal kepada pengguna; dan
- d. memberi maklumat tentang satu perkara sahaja iaitu keunggulan dimensi (unidimensional)

Terdapat beberapa faktor yang perlu dipatuhi semasa merencana, merumus dan menyusun bahan ujian supaya segala keperluan asas yang boleh menjamin proses penilaian berjalan dengan lancar. Stamboel (1973) menggariskan empat bentuk perencanaan yang sesuai bagi dijadikan panduan untuk membentuk ujian yang baik. Antaranya ialah:

- a. hakiki ujian harus menggambarkan tujuannya;
- b. penyusunan bahan ujian mestilah mencakupi bidang-bidang pengajaran yang telah dibuat;
- c. semua hasil pembelajaran yang penting harus dinilai dengan sepenuhnya. Penilaian ini harus ditinjau dari tiga sudut perspektif iaitu kognitif, psikomotor dan efektif; dan
- d. memenuhi kondisi penyelenggaraan ujian. Ianya meliputi:
  - i. penyusunan soalan ketika pembinaan soalan.
  - ii. waktu yang disediakan untuk ujian; dan
  - iii. pembiayaan dan peralatan pelaksanaan ujian.

Seperkara lagi yang mempunyai pertautan besar dengan mutu pengujian ini ialah konsep 'pengelasan' seperti yang diperkenalkan oleh Bloom (1965). Menurut beliau pengelasan yang teliti biasanya akan menghasilkan pengemasan data dan membolehkan kita membentuk generalisasi yang bererti terhadap kategori berkenaan. Dengan cara ini, pengelasan dengan sendirinya telah membantu perhubungan dan pemikiran. Suatu sistem pengelasan biasanya mempunyai isi yang berkait rapat dengan fenomena tertentu. Taksonomi yang melibatkan kognitif misalnya, mestilah didasarkan kepada tingkah laku kognitif pelajar sedapat mungkin.

Apa yang penting, analisis terhadap objektif khusus dan tingkah laku harus berupaya menghasilkan kelas-kelas tingkah laku seperti yang diharapkan. Enam kelas tingkah laku yang tergambar pada taksonomi Bloom jelas menggambarkan isi taksonomi tingkah laku itu sebenarnya iaitu;

a. Aras Pengetahuan:

Pengetahuan dapat diterangkan sebagai mengulangi, mengingat atau mengenali maklumat yang diberikan. Mengetahui sesuatu aras pengetahuan bermakna pelajar boleh mengecam dan mengingat sesuatu maklumat. Apa yang perlu ditegaskan ialah

maklumat yang diingati itu jika tiada digunakan dengan baik dengan cara mengait, menilai ataupun dengan menyusun semula sebutan ianya tidak akan meninggalkan kesan pengingatan yang sempurna. Jika seseorang pelajar telah mengingati maka dia dianggap sepatutnya boleh mengulangi maklumat yang diingati itu tentang sesuatu rangsangan yang diberikan. Pengetahuan itu sebenarnya melibatkan pengenalan atau pengingatan fakta, idea dan prosedur khas.

b. **Aras Kefahaman:**

Kefahaman mewakili aras fahaman yang rendah sekali. Ianya mentakrifkan skop fahaman yang terhad di mana individu mengetahui apa yang sedang dihubungkan dan boleh mentafsirkan mesej dalam simbol dan istilahnya sendiri. Walaupun begitu kefahaman pada aras ini tidak melibatkan implikasi mesej atau perhubungannya dengan unsur-unsur lain seperti penterjemahan, penafsiran dan penentuluaran. Ini kerana ketiga-tiga unsur itu merupakan kebolehan memanipulasi dan memilih fakta yang melibatkan proses aplikasi yang tinggi.

c. **Aras Penggunaan:**

Aras ini melibatkan penggunaan pengetahuan dan kefahaman dalam menyelesaikan masalah-masalah baru.

d. **Aras Analisis:**

Analisis menandakan kebolehan mengecam dan mengenal faktor-faktor asas dalam sesuatu masalah yang melibatkannya iaitu analisis unsur-unsur, analisis perhubungan dan analisis prinsip-prinsip penyusunan.

e. **Aras Sintesis:**

Sintesis melibatkan proses penyusunan (mengatur dan mengaitkan unsur-unsur dan faktor-faktor hingga menjadi suatu mesej yang di dalamnya terkandung konsep pengeluaran pelan dan operasi dan terbitan perkaitan yang abstrak).

f. **Aras Penilaian:**

Aras ini meliputi pertimbangan kualitatif dan kuantitatif mengenai prosedur, penyelesaian, pelan kerja yang berkaitan dengan nilaitara tertentu seperti pertimbangan dari bukti dalaman dan kriteria luaran.

Sebenarnya apa yang mahu digambarkan oleh Bloom di dalam Taksonominya ini ialah kaedah pengelasan yang tertib. Padanya suatu taksonomi itu bukan sahaja melibatkan penempatan ke dalam kategori-kategori tertentu, tetapi juga penyusunan kategori-kategori itu



ke dalam sekuen yang bererti dan berkaitan (Abd. Rashid Johar, 1980).

Pada masa ini, secara umum penilaian yang dilakukan di sekolah-sekolah bertujuan meramalkan sejauh mana pelajar berkemungkinan berjaya dalam peperiksaan sebenar yang akan diambilnya nanti. Sehubungan itu, format ujian dan masa yang diperuntukkan bagi sesuatu ujian itu lazimnya disesuaikan berdasarkan format dan masa bagi ujian sebenar yang dikendalikan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Analisis item merupakan suatu teknik yang boleh digunakan oleh para guru untuk menilai kelebihan dan kelemahan ujian yang dijalankan. Guru dapat menentukan sama ada ujian itu bermutu atau sebaliknya, serta dapat membezakan item yang mana baik dan yang mana lemah. Melalui analisis item, guru mampu memberi anggaran kesahan bagi setiap ujian itu.

Tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa tidak ada satu ujian pun yang sempurna. Analisis item akan menunjukkan kelemahan-kelemahan seperti berikut;